39.12.12

488/12/2012(17).

**JABATAN PENGAJIAN TINGGI**
**BAHAGIAN PENGURUSAN KEMASUKAN PELAJAR**
ARAS 4, NO. 2, MENARA 2, JALAN P5/6, PRESINT 5,
62200 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
Tel : (603) 8870 6760 Faks : (603) 8870 6864 Web : http://jpt.mohe.gov.my

KPT
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

PEJABAT KETUA SEKTOR
SEKTOR KHIDMAT PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN
DITERIMA
24 DEC 2012
JABATAN PELAJARAN KELANTAN

Ruj Kami : JPT(BPKP)1000/600/014/01 Jld.6(14)

Tarikh : 20 November 2012

PEJABAT PENGARAH
DITERIMA
23 DEC 2012
16000 KOTA BHARU
JABATAN PELAJARAN KELANTAN

JABATAN PELAJARAN KELANTAN
TERIMA
26 DEC 2012
SEKSYEN LATIHAN & KEMAJUAN STAF

Semua Pengarah Jabatan Pelajaran Negeri
Semua Pegawai Pelajaran Bahagian / Daerah
Semua Pengetua
Sekolah Menengah Kebangsaan Agama
Sekolah Menengah Kebangsaan

YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan,

**PROSEDUR PENGURUSAN PERMOHONAN KEMASUKAN KE IPTA PROGRAM PENGAJIAN LEPASAN STPM 2012 DAN STAM 2012, 2011 PERINGKAT IJAZAH PERTAMA BAGI SESI AKADEMIK 2013/2014**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) akan mengguna pakai dasar, kriteria dan prosedur terkini bagi pengurusan permohonan, pemprosesan dan pemilihan kemasukan ke IPTA untuk Program Pengajian **Lepasan STPM 2012 dan STAM 2012 & 2011 Peringkat Ijazah Pertama Sesi Akademik 2013/2014**.

3. Sehubungan itu, bersama-sama ini disertakan dokumen-dokumen mengenai dasar, kriteria dan prosedur terkini bagi pengurusan permohonan, pemprosesan dan pemilihan kemasukan ke IPTA untuk makluman dan tindakan susulan YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan. Antaranya ialah :

- **3.1 Dasar Pengambilan Pelajar Program Pengajian Lepasan STPM/Setaraf (Peringkat Ijazah Pertama);**
- **3.2 Prosedur Pembelian Nombor Unik ID;**
- **3.3 Panduan Mengisi Permohonan Kemasukan Ke IPTA Melalui Aplikasi Dalam Talian;**
- **3.4 Senarai Program Pengajian Yang Ditawarkan Program Pengajian Lepasan STPM/Setaraf; (Dikemaskini sehinga 27 Oktober 2012) dan**
- **3.5 Dokumen Mengenai 'Karnival Pengajian Tinggi Negara 2013'.**

**Nota : Dokumen di para 3.1 sehingga 3.5 boleh dimuat turun dalam laman Web Rasmi Kemasukan di http://upu.mohe.gov.my**

Semua SMK. Makluman. 24/12

KU(L). Fudah

KSPK

JEFNY BIN MUHAMMAD
Ketua Sektor
Sektor Khidmat Pengurusan dan Pembangunan

23/12

HAJI HUSSAIN BIN ...
Pengarah Pel...

4. Selaras dengan langkah-langkah keselamatan bagi menjamin integriti dan kualiti tangkapan data permohonan kemasukan ke IPTA, calon WAJIB membeli **Nombor Unik ID**. Nombor Unik ID yang digunakan untuk mengemukakan permohonan tersebut adalah **SULIT**. Justeru, diingatkan agar **pengagihan Nombor Unik ID oleh pihak institusi kepada pelajar dilaksanakan secara berhemah berdasarkan tatacara yang mempunyai ciri-ciri keselamatan**. Ini adalah untuk mengelakkan kebocoran maklumat akibat salah guna Nombor Unik ID yang boleh menjejaskan permohonan dan pemilihan kemasukan ke IPTA oleh individu yang tidak beretika dan tidak bertanggungjawab. Dimaklumkan juga, permohonan kemasukan bagi Lepasan STPM/Setaraf Peringkat Ijazah Pertama akan dibuka mulai **07 Januari sehingga 15 April 2013.**

5. YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan adalah dimohon untuk memaklumkan kepada pelajar, ibu bapa dan masyarakat mengenai dasar, prosedur dan kriteria pemilihan terkini yang akan diguna pakai pada Sesi Akademik 2013/2014. Ini adalah usaha Jabatan untuk merealisasikan aspirasi serta dasar kerajaan dalam pengurusan e-Kerajaan bagi meningkatkan lagi sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan yang berkualiti, berintegriti serta mesra pelanggan.

6. Kerjasama dan komitmen dari YBhg. Datuk / Dato'/ Datin / Tuan / Puan dalam menjayakan usaha murni ini, saya dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian, untuk makluman dan tindakan.

**"MENERAJU KEGEMILANGAN ILMU"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

**(DATO' PROF. DR. RUJHAN BIN MUSTAFA)**
Ketua Pengarah
Jabatan Pengajian Tinggi
Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia

s.k. :

i. Ketua Setiausaha
Kementerian Pengajian Tinggi

ii. Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pelajaran Malaysia

iii. Pengarah
Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
Kementerian Pelajaran Malaysia

iv. Fail Am

v. Fail Timbul

SETEM

# KAD AKUAN TERIMA

PEKELILING HEBAHAN PERMOHONAN KEMASUKAN KE IPTA / POLITEKNIK PREMIER / POLITEKNIK MALAYSIA / ILKA
SESI AKADEMIK 2013/2014

SILA KEMBALIKAN DI ALAMAT SEPERTI DI BAWAH:

**PENGARAH**
**BAHAGIAN PENGURUSAN KEMASUKAN PELAJAR**
**JABATAN PENGAJIAN TINGGI**
**KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI**
**ARAS 4, NO. 2, MENARA 2, JALAN P5/6**
**PRESINT 5**
**PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN PUTRAJAYA**
**62200 PUTRAJAYA**

ATAU

**DOWNLOAD KAD AKUAN TERIMA DI LAMAN WEB:**

1. http://upu.mohe.gov.my/portal/arkib/1314_PEKELILING_SPM
2. http://upu.mohe.gov.my/portal/arkib/1314_PEKELILING_STPM
3. http://upu.mohe.gov.my/portal/arkib/1314_PEKELILING_MATRIK
4. http://upu.mohe.gov.my/portal/arkib/1314_PEKELILING_ILKA
5. http://upu.mohe.gov.my/portal/arkib/1314_PEKELILING_DIPLOMA

ATAU

**DOWNLOAD KAD AKUAN TERIMA DI LAMAN FACEBOOK:**
**UPU (BPKP JPT)**

ATAU

**FAKS DI TALIAN : 03-8870 6864**

**BORANG PENGESAHAN PENERIMAAN PEKELILING HEBAHAN PERMOHONAN KEMASUKAN KE IPTA / POLITEKNIK PREMIER / POLITEKNIK / ILKA**
**SESI AKADEMIK 2013/2014**

**PROSEDUR PENGURUSAN PERMOHONAN KEMASUKAN KE:**

| JENIS PROSEDUR | AKUAN PENERIMAAN | |
|---|---|---|
| | TERIMA | TIDAK TERIMA |
| 1. IPTA DAN POLITEKNIK PREMIER PROGRAM PENGAJIAN LEPASAN SPM/SETARAF PERINGKAT DIPLOMA DAN PROGRAM ASASI | ☐ | ☐ |
| 2. IPTA PROGRAM PENGAJIAN LEPASAN STPM 2012 DAN STAM 2012, 2011 PERINGKAT IJAZAH PERTAMA | ☐ | ☐ |
| 3. IPTA PROGRAM PENGAJIAN (MATRIKULASI DAN ASASI 2012) PERINGKAT IJAZAH PERTAMA | ☐ | ☐ |
| 4. IPTA PROGRAM PENGAJIAN LEPASAN STPM/SETARAF (KATEGORI DIPLOMA/SETARAF) PERINGKAT IJAZAH PERTAMA | ☐ | ☐ |
| 5. PROGRAM SIJIL DAN DIPLOMA KE POLITEKNIK DAN INSTITUSI LATIHAN KEMAHIRAN AWAM (ILKA) | ☐ | ☐ |

* Saya mengesahkan maklumat penerimaan yang dinyatakan di atas adalah benar.

Tandatangan:

_______________________________

( )

Jawatan :

Tarikh :